

## **WAYANG KULIT**

### **PENGENALAN**

Wayang Kulit adalah satu bentuk teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung-patung kulit yang terdiri dari pelbagai watak methologi dan khayalan dilarikan oleh seorang Dalang. Persembahan wayang kulit selalunya diiringi oleh satu kumpulan muzik paluan atau gamelan dan juga alat tiupan (serunai) atau alat bertali (rebab).

### **PERANAN WAYANG KULIT DALAM KONTEKS SOSIO BUDAYA MASYARAKAT**

Pelbagai bentuk dan jenis wayang kulit boleh didapati di Asia dan lebih-lebih lagi di Tenggara Asia. Setiap jenis mempunyai bentuk dan wataknya yang tersendiri dan agak berbeza dari satu kawasan atau latar belakang masyarakat kepada yang lain. Hari ini di Semenanjung Malaysia sahaja terdapat empat jenis wayang kulit dan setiap satu mencerminkan pengaruh-pengaruh masyarakat dan juga kebudayaan yang telah mempengaruhi masyarakat itu. Terdapat empat jenis wayang kulit di Semenanjung Malaysia iaitu :

- i) Wayang Kelantan (disampaikan dalam bahasa Melayu loghat Kelantan dan berasas kepada pengaruh Patani).
- ii) Wayang Melayu (disampaikan dalam bahasa Melayu berpengaruh Jawa)
- iii) Wayang Purwo (disampaikan dalam dalam bahasa Jawa dan diselit dengan dengan bahasa Melayu tempatan).
- iv) Wayang Gedek (lazimnya disampaikan dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu loghat tempatan).

Dari keempat-empat jenis wayang kulit ini yang pertama dan kedua didapati di Kelantan dan negeri-negeri Pantai Timur, yang ketiga terdapat di bahagian Selatan Pantai Barat Semenanjung terutamanya di Johor dan yang keempat terdapat di negeri Kedah, Perlis dan beberapa negeri utara Pantai Barat Semenanjung.

Pada asasnya kesemua bentuk atau jenis wayang kulit yang terdapat di Semenanjung Malaysia mempunyai pengaruh-pengaruh samada dari Jawa atau Patani (Selatan Thai) tetapi dalam perkembangannya semua pengaruh ini telah mengalami perubahan dan penyesuaian mengikut penerimaan dan konteks masyarakat tempatan. Perkara ini berlaku adalah kerana wayang kulit pada dasarnya merupakan satu alat perhubungan masyarakat di samping satu rupa pengutaraan kesenian.

Pada asasnya, aliran cerita, bentuk patung-patung dan watak masih lagi mengekalkan keaslian dan pengaruh asalnya tetapi pada adegan-adegan kelakar '*comic relief*' yang sering terdapat di sepanjang cerita wayang kulit itu, ianya jelas mengemukakan unsur-unsur tempatan dari segi bahasa dan juga peristiwa-peristiwa yang digambarkan. Oleh itu, wayang kulit sebenarnya boleh dinikmati (hayati) dalam dua peringkat. Kedua-duanya mempunyai peranan yang penting.

# JENIS DAN BENTUK WAYANG KULIT DI MALAYSIA

## A. WAYANG KELANTAN

### Pengenalan

Jenis wayang kulit ini dahulunya dikenali sebagai Wayang Kulit Siam kerana pemerintahan Melayu Kelantan yang berasal dari Patani di negeri Siam. Walaubagaimanapun, ia dipercayai berasal dari Kemboja tetapi dibawa masuk ke Kelantan melalui Patani. Wayang ini tersebar dengan meluas di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

### Isi Cerita

Cerita yang dimuat dalam wayang ini berdasarkan cerita dalam Hikayat Seri Rama. Hikayat Seri Rama merupakan himpunan cerita yang disadur dari epik Ramayana tradisi India.



Watak utama wayang Kelantan Laksamana & Seri Rama



Wayang Kelantan

## **Patung-Patung**

Ukiran hiasan patung-patung wayang ini menunjukkan banyak persamaan dengan patung-patung Patani. Ia diukir dalam bentuk mengiring dan kebanyakannya berdiri di atas kenderaan. Dari segi pergerakan mekanikal, hanya tangan di sebelah hadapan yang dapat bergerak sambil memegang alat senjata atau kebesaran lain.

## **Alat Muzik**

Alat-alat muzik wayang tersebut terdiri dari sebatang serunai, sepasang gedombak, sepasang geduk, sepasang gong (tetawak), sepasang kesi, sebiji mong dan canang.

## **Bahasa**

Bahasa pengantar dalam teater tradisional ini ialah dialek Melayu Kelantan yang mempamerkan pengaruh Patani.

## **B. WAYANG MELAYU**

### **Pengenalan**

Wayang jenis ini terdapat di Pantai Timur, terutama Kelantan dan Terengganu. Walau bagaimanapun, bilangannya amat terhad.



Wayang Melayu

## Isi Cerita

Cerita Wayang Melayu berdasarkan episod-episod dari epik Mahabharata, terutamanya cerita Pendawa Lima. Wayang ini juga dipengaruhi oleh cerita Panji.

## Patung-Patung

Dari segi pergerakan, ia menunjukkan persamaan dengan wayang purwo iaitu boleh digerakkan kedua-dua belah tangan patung. Patung wayang ini senang untuk dikenalpasti mengikut kedudukan kepala. Patung berwatak baik biasanya menundukkan kepala ke bawah dan bentuk tubuhnya adalah kecil serta elok. Patung berwatak kasar dan sombong lazimnya berhidung besar serta mendongak ke atas.

## Alat Muzik

Alat muziknya terdiri dari sebatang rebab, enam biji canang, dua biji gong besar, satu biji mong, dua biji gendang dan sepasang kesi.

## Bahasa

Cerita ini disampaikan dalam bahasa Jawa di samping diselitkan dialek Melayu tempatan.

## C. WAYANG GEDEK



Wayang gedek

## **Pengenalan**

Wayang Gedek tersebar di bahagian Utara Pantai Barat Malaysia, terutamanya Kedah dan Perlis. Wayang ini dimainkan oleh orang Melayu dan juga Siam tempatan. Ia dipercayai berasal dari sejenis wayang kulit siam yang dikenali sebagai Nong Talung dan sebab inilah patung serta alat muziknya mahupun corak paluannya mirip Siam.

## **Isi cerita**

Isi cerita wayang Gedek mempunyai banyak persamaan dengan Nong Talung. Walau bagaimanapun, berlaku beberapa pengubahsuaian dalam wayang ini yang menyaksikan penerapan unsur-unsur setempat. Cerita Wayang Gedek banyak diselitkan babak-babak cerita yang popular pada masa kini.

## **Patung-Patung**


Secara umumnya, ia menunjukkan pengaruh Nong Talung baik dari segi ukiran, pakaian, hiasan dan seumpamanya. Patung-patung wayang ini diukir mengadap ke hadapan.

## **Alat Muzik**

Alat muzik wayang ini terdiri daripada sepasang gedombak, sepasang gong, sepasang kerincing, sebiji geduk dan sebatang serunai.

## **Bahasa**

Biasanya wayang ini disampaikan sama ada dalam loghat Siam mahupun dialek Melayu Kedah.




Babak dalam wayang gedek

## **D. WAYANG PURWO**

### **Pengenalan**

Wayang ini terdapat di bahagian Selatan Pantai Barat, terutamanya Johor dan dimainkan oleh penduduk keturunan Jawa.



Wayang Purwo

### **Isi Cerita**

Cerita wayang ini berdasarkan cerita Pendawa Jawa yang disadur dari epik Mahabharata India. Begitupun, ceritanya tidak memperlihatkan pengaruh cerita panji.

### **Patung-Patung**

Secara keseluruhan patung-patung ini menyerupai patung wayang kulit Kelantan. Perbezaan yang nyata adalah dari segi bentuk mata patung, iaitu mata Jaitan untuk watak pahlawan, mata pepelangan untuk watak jahat dan mata prebes untuk watak pertapa.

### **Alat Muzik**

Alat Muzik wayang purwo berbeza dengan wayang lain kerana terdiri dari sebiji gong besar (agong), sebiji gong suwukan, satu set gambang, lima biji kempul, lima biji kenong, dua set gonder, satu slentem, satu set saron, satu set peking (saron penerus), satu set ketok/kompanyang, satu batang rebab dan satu biji gendang. Oleh itu, nada yang mengiringi persembahan wayang ini juga berlainan.

## Bahasa

Wayang ini disampaikan dalam bahasa Jawa namun dialek Melayu tempatan juga diselitkan dalam dialog cerita.



Dalang dan pemain alat muzik dalam persembahan wayang kulit purwo

## PERBEZAAN YANG TERDAPAT ANTARA SETIAP JENIS WAYANG KULIT

### a. Bentuk Patung

Patung dari jenis wayang kulit yang berpengaruh Jawa mempunyai kedua sendi tangan dan dapat digerakkan tetapi pada patung wayang kulit Kelantan hanya sendi sebelah hadapan patung itu sahaja yang digerakkan. Watak patung-patung utama dalam wayang kulit Kelantan selalunya dikemukakan terletak di atas satu rupa kenderaan kenaikan seperti naga, ular dan buaya. Sebaliknya, ciri ini tidak terdapat dalam patung-patung wayang kulit Jawa. Hampir keseluruhan patung wayang kulit dipersembahkan dalam kedudukan mengiring. Hanya patung wayang gedek sahaja yang terdapat patung-patungnya dibentuk berhadapan.

Pada keseluruhannya hampir semua patung-patung wayang kulit yang berpengaruh Jawa dan Thai mengekalkan ciri-ciri asalnya dari segi pakaian, tudung kepala dan peralatan-peralatan senjata tetapi di mana terdapat watak-watak tempatan di dalam cerita segala ciri-ciri tempatan digunakan. Sebagai contohnya watak-watak tempatan seperti Wak Long, Pak Dogol, Mahasiko (wayang Kelantan); Semar dan Cemuras/Turas (wayang Melayu) bukan

sahaja melambangkan perwatakan tempatan tetapi pembentukan patungnya juga terkeluar dari kelaziman pembentukan patung-patung yang lain.

### **b. Muzik Wayang Kulit**

Wayang Kelantan dan wayang gedek adalah diiringi oleh satu kumpulan muzik paluan dan sebatang serunai. Wayang Melayu pula diiringi oleh kumpulan muzik paluan tradisional dan rebab manakala wayang purwo diiringi oleh satu kumpulan gamelan.

### **c. Dalang**

Semua dalang dalam setiap jenis persembahan wayang kulit adalah dibantu oleh dua orang yang dipanggil pengantin melainkan dalam wayang gedek.

## **PROSES MEMBUAT PATUNG WAYANG KULIT**

Dalang merupakan orang yang bertanggungjawab dalam membuat patung wayang kulit yang ingin dipersembahkan. Seorang dalang perlu mempunyai kreativiti dan kepintaran dalam membuat watak-wataknya sendiri dan setiap watak yang dihasilkan itu seharusnya mempunyai seni reka bentuk yang menarik dan sesuai untuk dipadankan dalam cerita yang ingin dipersembahkan. Antara proses untuk membuat patung wayang kulit ialah :

1) Kulit lembu dijemur untuk dikeringkan.

Kulit lembu atau kambing yang telah dibersihkan akan direndam ke dalam air campuran garam, lada, lengkuas dan serai untuk beberapa hari dan kemudian dijemur menggunakan pacang di penjurunya. Setelah dipastikan kulit tersebut telah benar-benar kering dan tidak berbau, bulu-bulu yang terdapat pada kulit yang telah kering itu akan dikikis menggunakan kepingan kaca sehingga bersih.





2) Kulit ditebuk dengan menggunakan lingkaran kertas.

Kertas yang telah siap dilukis dengan wajah dari watak wayang kulit akan ditekapkan ke atas kulit yang telah dibersihkan. Di sinilah terletaknya kreativiti dan kewibawaan seorang dalang untuk membentuk patung wayang kulit mengikut watak yang ingin dipersembahkan. Setiap lorekan dan garis lubang yang ditebuk mempunyai fungsinya yang tertentu dan watak-watak yang dihasilkan mempunyai identiti estatika yang tersendiri.




### 3) Buluh, tali dan pewarna

Buluh sebagai bahan penyadang diraut rapi dan diikat menggunakan tali kepada kulit yang telah siap ditebuk. Tali digunakan untuk membuat gerakan pada bibir, tangan dan lain-lain anggota yang diperlukan pada patung tersebut. Tali ini akan diikat apabila patung tersebut telah siap diwarnakan mengikut watak yang digambarkan melalui cerita-cerita tertentu. Warna yang biasa digunakan ialah dari bahan dye fabrik dan cat air. Kerja-kerja mewarnakan patung wayang kulit ini memerlukan kreativiti, bakat dan kesabaran yang jitu.



## SUSUNAN PEMAIN DAN ALAT MUZIK DALAM PANGGUNG WAYANG KULIT



### PETUNJUK

A - Tok Dalang	B & C - Penunjuk Patung
1 - Serunai	6 - Kesi
2 - Gendang Ibu	7 - Geduk Ibu
3 - Gendang Anak	8 - Geduk Anak
4 - Gedombak Ibu	9 - Canang
5 - Gedombak Anak	10 - Pemain Gong

### PERSEMBAHAN WAYANG KULIT

Persembahan wayang kulit terbahagi kepada muzik, percakapan dan gerak-geri. Lazimnya semasa patung-patung bercakap semua iringan muzik terhenti. Pada masa patung-patung bercakap hanya sedikit pergerakan boleh didapati dan ini dilakukan melalui pergerakan sendi tangan patung yang bercakap. Sebaliknya, apabila patung-patung itu digerakkan samada dalam perjalanan,

peperangan atau lain-lain maka iringan muzik segera membantu membina suasana pergerakan itu.



Pandangan di belakang kelir

Panggung wayang kulit dibina daripada tiang-tiang kayu dengan dinding dan atap dibuat daripada rumbia atau nipah. Lazimnya panggung ini dibina tiga atau empat kaki daripada tanah dan merupakan satu pondok yang boleh mengisi dalang, pemuzik dan alat-alatan untuk persembahan wayang kulit. Bahagian hadapan panggung ini dipasang dengan sebidang kain putih yang dipanggil kelir dan pada bahagian belakang kelir ini digantung sebuah lampu (sama ada lampu minyak tanah atau lampu elektrik). Cahaya daripada lampu inilah yang memantulkan bayang-bayang patung wayang kulit kepada kelir untuk ditonton dari bahagian hadapan panggung.

Dalam sesebuah persembahan wayang kulit, dalang adalah peneraju utama sebagai pencerita dan pembawa patung-patung wayang kulit yang berada di sebalik kelir yang hanya mengeluarkan bayang-bayang mengikut pergerakan yang dilakukan.



Aksi dalang dalam persembahan wayang kulit

Dalang akan memukau perhatian penonton dengan kelebihan dan kematangannya membuat persembahan dengan gaya dan suara yang tidak pernah putus dengan ketawa, marah, dan sesekali mendayu-dayu seperti seorang wanita. Dalang juga secara spontannya akan menyelitkan kisah lucu yang menarik mengikut rentak seperti lagu-lagu hindustan, dangdut atau lagu-lagu ciptaan semasa yang bersesuaian dengan tajuk cerita yang dipersembahkan. Setiap cerita yang disampaikan oleh dalang adalah untuk dinikmati dan dihayati oleh para penonton sebagai renungan dan hiburan pengisi waktu.



Dalang bersama para pemain muzik



Watak wanita dalam persembahan wayang kulit



Seri Rama & Laksamana bersama Wak Long & Wak Dogol



Persembahan wayang kulit

Persembahan wayang kulit dilakukan di pelbagai tempat mengikut kemahuan dan keperluan masyarakatnya. Selalunya pertunjukan untuk :

- i) Acara menyembah guru
- ii) Mengubat orang sakit
- iii) Upacara memuja semangat
- iv) Semasa Pesta Menuai atau Pesta Kampung
- v) Kepada perayaan Harijadi Raja-raja
- vi) Sebagai hiburan semata-mata

## TOKOH WAYANG KULIT

### Hamzah Awang Amat (Pak Hamzah)



Penerima Anugerah Seniman Negara Pertama ini dilahirkan pada tahun 1940 di Kampung Kebakat, Kelantan. Hamzah Awang Amat atau lebih dikenali sebagai Pak Hamzah meminati wayang kulit semenjak berusia belasan tahun melalui pemerhatian kesenian ini di sekitar kampungnya.

Kewibawaan Pak Hamzah bukan sahaja sebagai seorang pemain mahupun pembuat alat persembahan wayang kulit, malah beliau telah berupaya mengangkat seni wayang kulit ke peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, penglibatan beliau sebagai tenaga pengajar di institut pengajian tinggi telah berjaya menghasilkan metodologi pengajaran seni muzik wayang kulit Kelantan yang amat efisien, sistematik dan komprehensif.



Bengkel wayang kulit bersama Pak Hamzah

Pada tanggal 1 Januari 2001, Hamzah Awang Amat telah kembali ke rahmatullah dengan mewasiatkan wayang kulit ini kepada kita, generasi baru yang akan meneruskan perjuangan beliau. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya. Al Fatihah.

## **5. Kesimpulan**

Wayang kulit sebagai teater tradisional adalah pancaran hati dan perasaan masyarakat Melayu tradisional. Ia bukan semata-mata sebagai alat hiburan, tetapi yang lebih penting adalah gambaran sikap, nilai, norma, hati budi dan konsep hidup serta kepercayaan pemikiran masyarakat pada waktu.

Walaupun pandangan masyarakat Melayu telah berubah kini dalam sistem kepercayaan dan nilai budayanya, namun pengaruh dan keyakinan mereka masih lagi menular dalam bentuk yang lain pula, iaitu berubah kepada nilai-nilai individualistik akibat pengaruh budaya barat.

Diterbitkan oleh :

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan  
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. 2003